

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1993/94

Oktober - November 1993

AOP 300 - PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan No. 1 dan **TIGA** soalan yang lain.

1. Memandangkan Pengurusan Sumber Manusia semakin mencapai ke tahap kematangan, semakin banyak cabaran yang dihadapi. Sila bincangkan cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh pengurus-pengurus sumber manusia menjelang abad ke 21 ini.

[25 markah]

2. Mengikut beberapa pendapat cerdik pandai dalam bidang Sumber Manusia, penggunaan istilah "Pengurusan Sumber Manusia", walaupun diperkenalkan oleh Peter Drucker pada tahun 1954 tetapi telah popular di zaman Margaret Thatcher (Perdana Menteri Britain). Sila bincangkan sejarah perkembangan penggunaan istilah ini bermula dari Teori Agama dan Moral hingga kepada bagaimana munculnya istilah Pengurusan Sumber Manusia di zaman Puan Thatcher tersebut.

[25 markah]

3. Kejayaan dalam melaksanakan analisis pekerjaan perlu penglibatan dan sokongan dari banyak pihak. Siapakah pihak-pihak tersebut dan apakah peranan-peranan mereka dalam analisis pekerjaan ini?

[25 markah]

...2/-

*

4. En. Song Ku Sut baru dilantik sebagai Pengurus Sumber Manusia di Syarikat Merosot Sdn. Bhd. Beliau dalam keadaan kebingungan kerana terpaksa mengurus kakitangan amnya yang selalu melakukan kesalahan-kesalahan disiplin seperti ponteng kerja, datang lambat, penyalahgunaan cuti sakit dan sebagainya. Dalam kuliah, anda telah didedahkan kepada tiga pendekatan untuk mengambil tindakan disiplin. Bincangkan ketiga-tiga pendekatan tersebut untuk pengetahuan En. Song dalam menyelesaikan masalahnya.

[25 markah]

5. Anda seorang Pegawai Sumber Manusia, telah diarahkan oleh ketua anda, En. Ahmad Terang untuk menyusun semula sistem gaji di syarikat anda. Dalam melaksanakan tugas ini, apakah faktor-faktor yang perlu anda ambilkira dan pertimbangkan sebelum menentukan tingkat kadar bayaran pekerja di syarikat ini? Bagaimanakah faktor tersebut mempengaruhi sistem gaji?

[25 markah]

6. Berikan alasan-alasan mengapa sesebuah organisasi yang besar dan komplek memerlukan perancangan sumber manusia yang formal. Bagaimanakah perancangan sumber manusia dibuat?

[25 markah]

7. En. Lim Kam Bing baru dilantik sebagai Pegawai Sumber Manusia. Beliau diarahkan oleh ketuanya, En. Lim Ri Mau untuk mengambil seratus orang pekerja baru bagi memenuhi jawatan dalam tiga bulan akan datang. Sebagai seorang penasihat, apakah sumber-sumber luaran yang boleh anda cadangkan kepada En. Lim Kam Bing untuk digunakan dalam usaha mengambil pekerja baru tersebut? Bincangkan kebaikan dan kelemahan sumber-sumber berkenaan.

[25 markah]

---ooo000ooo---